



**GOTONG-ROYONG:** Sesi bergambar semua peserta bersama-sama pengurusan dan pentadbiran HEP Kediaman Ecopark UMS.

## Gotong-royong perdana jalin kerjasama dengan masyarakat setempat

UB 3.10.2019 15  
**KOTA KINABALU:**

Program Gotong-Royong Perdana Kolej Kediaman UMS 2019 baru-baru ini dijalankan di seluruh Kolej Kediaman UMS anjuran Pusat Perumahan Pelajar dan Hospitaliti UMS.

Kediaman Ecopark adalah salah sebuah Kolej Kediaman yang turut terlibat menjayakan program itu.

Program ini juga melibatkan kerjasama dengan masyarakat setempat dan berjaya dilaksanakan dengan jayanya.

Program berkenaan berjaya mengumpulkan

seramai 200 peserta yang melibatkan Pengurusan dan Pentadbiran HEP Kolej Kediaman, JAK-MAS, wakil Agent Xprop Sdn Bhd, pelajar Kediaman Ecopark dan masyarakat setempat.

Terdahulu di dalam ucapan perasmian program di Kediaman Ecopark, Pengetua Wijaya Kamal Ramlan menzahirkan rasa gembira dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta terlibat dan ia membuktikan yang tanggungjawab menjaga kebersihan dan keceriaan persekitaran di

sana merupakan komitmen bersama semua pihak.

Pihak Pengurusan Kediaman Ecopark UMS sentiasa bekerjasama dengan pihak masyarakat di sana dalam apa jua aspek dan akan ada beberapa program kerjasama dan kolaboratif akan dilakukan sepanjang semester ini bersama penduduk di sana.

Terdapat beberapa pengisian yang telah dilakukan sepanjang program itu berjalan antaranya termasuklah Taklimat Khas Pengetua, sesi senamrobik, sesi cabutan bertuah, jamuan pagi dan sesi bergambar.